



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN SEBUT HARGA  
PADA 31 JULAI 2017**

Sebut Harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera Tempatan** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan bagi kerja berikut:-

No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Kelas Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh/ Masa & Tempat Lawatan Tapak
<b>SH/ SUKNS/ BIL.24/ 2017</b>	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Ubahsuai Ruang Pejabat Di Unit Dewan Undangan Negeri (DUN) Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Wisma Negeri, Seremban, Negeri Sembilan  <b>Peringatan : Kehadiran lawatan tapak adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri lawatan tapak. Sebarang rayuan tidak akan diterima.</b>	Kelas: G1  Kategori: B  Pengkhususan B04 & B28	RM30.00 setiap satu borang	<b>7/8/2017 (Isnin)</b>  <b>9.00 pagi</b>  <b>Bilik Teratai, Tingkat G, Blok D, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan</b>

Dokumen Sebut Harga boleh didapati mulai **7 Ogos 2017 hingga 14 Ogos 2017** pada waktu pejabat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (Unit Kewangan), Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Kontraktor / pembekal dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** serta **Sijil Pengiktirafan Bumiputera** semasa membeli dokumen Sebut Harga. Dokumen yang telah lengkap diisi disertakan bersama satu salinan bagi ketiga-tiga Sijil tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga di alamat **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, (Unit Kewangan), Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan.**

Tarikh tutup sebut harga iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari, 14 Ogos 2017 (Isnin)**. Sebut Harga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.